

# SPASMIN TABLET

Dicyclomine hydrochloride (20mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Spasmin
2. Bagaimana Spasmin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Spasmin
4. Cara menggunakan Spasmin
5. Semasa menggunakan Spasmin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Spasmin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Spasmin

Ia digunakan untuk sindrom gangguan usus, sembelit akibat kekejangan, inflamasi usus besar, gangguan pergerakan di antara hempedu dan pundi hempedu, perut dan usus kecil.

## Bagaimana Spasmin berfungsi

Dicyclomine ialah ubat yang berkesan dalam mengurangkan kekejangan dan kesakitan pada saluran perut-usus.

## Sebelum menggunakan Spasmin

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil Spasmin jika terdapat alahan kepada dicyclomine atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam produk.
- Tidak dicadangkan penggunaan untuk:
  - pembesaran kelenjar prostat
  - halangan usus akibat kelumpuhan otot usus
  - *pyloric stenosis* (halangan perut ke usus).
  - bayi bawah enam bulan

### - Sebelum menggunakan Spasmin

- Berhati-hati semasa penggunaan untuk:
- orang tua
  - glaucoma (tekanan tinggi dalam mata)
  - pengekal kencing, *obstructive uropathy* (halangan aliran normal kencing)
  - demam
  - penyakit jantung, denyutan jantung tinggi
  - kelenjar tiroid terlalu aktif
  - *histal hernia* (perubahan lokasi perut) dengan aliran balik kandungan perut ke dalam esofagus, halangan usus,
  - pendarahan akut dengan ketidakstabilan jantung dan darah
  - gangguan fungsi buah pinggang atau hati
  - myasthenia gravis (kelemahan otot)
  - ulser dan inflamasi usus besar.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor jika anda mengambil:
- analgesik narkotik (untuk sakit)
  - ubat antimuskarinik
  - amantadine (antivirus)
  - perencat monoamine oxidase (MAO)
  - phenothiazine atau antidepresan tricyclic
  - antasid atau ubat untuk cirit-birit.
  - antihistamina

## Cara menggunakan Spasmin

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 10 – 20mg, dos diubah jika perlu dan diterima sehingga 160mg sehari. Kanak-kanak lebih daripada 2 tahun: oral, 10mg, dos diubah jika perlu atau diarahkan oleh doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Diguna tiga atau empat kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas, tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda terlebih dos ialah denyutan jantung tinggi, pernafasan cepat, suhu badan tinggi, gelisah, keliru dan teruja, khayalan dan delirium (keadaan kekeliruan), ruam muka dan bahagian atas badan, penekanan sistem saraf pusat dan kegagalan peredaran.

## Semasa menggunakan Spasmin

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda menggunakan Spasmin. Beritahu doktor dengan segera jika hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Spasmin kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan penggunaan untuk wanita hamil dan ibu yang menyusukan anak belum dipastikan lagi.

## Kesan-kesan sampingan

Spasmin boleh menyebabkan kesan sampingan. Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami mulut kering, dahaga, pembesaran anak mata, kulit kering dan merah, debaran jantung kuat, kesukaran kencing, sembelit, muntah, penglihatan kabur, pening dan tidak stabil. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Spasmin

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bujur segiempat, berwarna biru dan berskor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: dicyclomine hydrochloride.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, indigo carmine lake, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19930132AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/08/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)160817/00215